

MAQASID AL- SHARIAH: SEJARAH PERKEMBANGAN SERTA SUMBANGAN PARA ULAMA USUL AL-FIQH AWALIN DAN MUTA'AKHIRIN

***MAQASID AL- SHARIAH: THE HISTORY OF THE DEVELOPMENT
AND CONTRIBUTION OF THE SCHOLARS OF USUL AL-FIQH
AWALIN AND MUTA'AKHIRIN***

Mohd Yusri Bin Ibrahim

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusian (UPSI), Malaysia.
(Email: mohyusri@yahoo.com.my)

Received date: 17-09-2019

Revised date: 09-10-2019

Accepted date: 13-10-2019

Published date: 10-12-2019

To cite this document: Ibrahim, M. Y. (2019). *Maqasid Al-Shariah: Sejarah Perkembangan Serta Sumbangan Para Ulama Usul Al-Fiqh Awalin Dan Muta'akhirin*. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 18-30.

DOI: 10.35631/irjsmi.12003

Abstrak: Artikel ini memfokuskan kepada perbincangan mengenai sejarah kewujudan maqasid syariah yang bermula dari zaman Nabi Muhammad sehingga ke zaman kontemporari. Kefahaman mengenai *maqasid al-shariah* adalah pra syarat penting untuk seseorang berijtihad dan memberi kefahaman masyarakat daripada *taqlid*. Artikel ini juga melihat bagaimana konsep ini diimplementasikan oleh Nabi Muhammad S.A.W khasnya dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran yang melibatkan ayat-ayat hukum sama ada bersifat hukum *qat'i* atau *dhoni* dalam permasalahan baru yang tiada nas *qat'i* akibat peredaran zaman dan perkembangan semasa. Oleh kerana itu, penulisan ini menumpukan kajian berbentuk kualitatif dengan menekankan tumpuan kajian mengenai pendekatan konsep *maqasid al-shariah* ini dalam kehidupan seharian masyarakat Islam di Malaysia dari segi konsep pengamalan dan pendekatannya dalam hukum-hukum *fiqh* kontemporari. Hasilan kertas kerja ini dapat memberikan satu kefahaman yang jelas dan mantap dalam penghuraian *maqasid al-shariah* melihat dari konteks sejarah, aplikasi dari era Nabi Muhammad sehingga ke zaman kontemporari tentang keperluan penggunaan ijtihad yang perlu dihidupkan semula dalam menangani permasalahan *taqlid* yang membelenggu umat Islam.

Kata Kunci: *Maqasid Syariah, Taqlid, Qat, i, Aplikasi, Ijtihad*

Abstract: This article focuses on the history of the existence of the *maqasid al-shariah* from the era of the Prophet Muhammad S.A. W to the contemporary world. The understanding of

the maqasid al-shariah is an important prerequisite for a person to affirm and give the people understanding of the taqlid. This article also looks at how this concept was implemented by the Prophet Muhammad S.A.W especially in interpreting the quranic verse involving legal texts either qat'i or dhoni in new issues that are not qat'i due to the passage of time and current developments. Therefore, this paper concentrates on qualitative research by emphasizing the focus of this study on the approach of the concept of al-shariah in the daily life of the Muslim community in Malaysia in terms of its practice and its approach in contemporary jurisprudence. The results of this paper provide a clear and concise understanding of maqasid al-shariah's interpretations of historical context, applications from the era of the Prophet Muhammad to contemporary times on the need for Islamic jurisprudence to be revitalized in dealing with the issues of taqlid that basset the Muslims.

Keywords: Maqasid al-Shariah, Taqlid, Qat'i, Application, Ijtihad

Pendahuluan

Maqasid al-shariah terus berkembang pada zaman ‘sahabat-sahabat’ Nabi Muhammad S.A.W khasnya dalam menjawab persoalan kehidupan yang berlaku seiring dengan masyarakat Islam yang terus berkembang. Dalam hal ini, penulis meninjau persoalan dari segi kaedah penggunaan *maqasid al-shariah* dan pendekatan yang digunakan di antara sahabat sahabat nabi s.a.w khasnya Khulafa al-Rashidin yang 4 iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali begitu juga dengan pendekatan yang digunakan oleh ulama awalin dan kontemporari . Artikel ini melihat juga penggunaan konsep *maqasid al-shariah* daripada pendekatan ulama mazhab khasnya Imam al-Syafie dan ulama-ulama yang lain seperti Imam al-Syatibi yang dikenali juga sebagai ‘Bapa Maqasid al-Shariah’ dalam melihat bagaimana konsep ini diterapkan dalam persoalan harian .

Akhirnya, artikel ini melihat pendekatan konsep *maqasid al-shariah* ini dalam kehidupan seharian masyarakat Islam di Malaysia khasnya dari segi konsep pengamalan dan pendekatan aplikasi dalam hukum-hukum *fiqh* kontemporari. Diharapkan hasilan kertas kerja ini memberikan satu kefahaman yang jelas dan mantap dalam penghuraian *maqasid al-shariah* melihat dari konteks sejarah, aplikasi dari era Nabi Muhammad S.A.W sehingga ke zaman sekarang khasnya tentang keperluan penggunaan ijтиhad yang perlu dihidupkan semula dalam menangani permasalahan *taqlid* yang membenggu umat Islam.

Sejarah Kewujudan *Maqasid al -Shariah*

Sebelum Nabi Muhammad S.A.W diutuskan, Allah telah mengutuskan rasul-rasul untuk umat-umat terdahulu (Hassan Ahmad , 2002). Sebagai contoh, Nabi Musa dan Nabi Isa diutuskan kepada kaum Bani Israil, Nabi Ibrahim A.S kepada Kaum Namrud, Nabi Saleh A.S kepada Kaum Thamud, Nabi Hud kepada Kaum ‘Ad dan Nabi Shuaib A.S kepada Kaum Madyan. Semua rasul yang diutuskan itu membawa syariat Allah yang tertentu sama ada dalam bentuk perintah pengesaan Allah, amalan ibadah, larangan, dan lain-lain. Hakikatnya, semua syariat tidak kira syariat terdahulu mahupun syariat Nabi Muhammad S.AW. adalah sama, iaitu menyeru kepada Tauhid dan melarang menyekutukan Allah. Cuma terdapat sedikit perbezaan dari segi pendekatan yang digunakan iaitu merujuk kepada wahyu yang diturunkan buat rasul-rasul pada zaman tertentu. Syariat terdahulu ialah segala agama Allah dan *syariah samawi* yang telah diturunkan kepada para rasul sebelum Nabi Muhammad S.A.W semua ajaran tersebut termaktub di dalam empat buah kitab serta 100 suhuf atau lembaran (Abdul Latif Muda, 2003). Antara kitab tersebut ialah Kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Musa yang dicatat dalam Bahasa Ibrani, Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Daud A.S di dalam Bahasa

Qibti, Kitab Injil diturunkan kepada Nabi Isa yang ditulis dalam Bahasa Suryani, dan yang terakhir dan terpakai untuk selama-lamanya ialah Kitab al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W ditulis di dalam Bahasa Arab. Golongan nabi dan rasul utusan Allah membawa ajaran Allah yang benar dari aspek akidah seperti menyeru umat manusia agar menyembah Allah dan mengEsakan-Nya.

Sudut amali atau syariah yang dibawanya mempunyai perbezaan antara para rasul dan utusan kerana perbezaan suasana, keadaan dan umat mereka. Hal itu telah dijelaskan di dalam al-Quran, salah satu darinya ialah Allah telah berfirman berkenaan syariat Nabi Hud A.S (Abdul Latif Muda, 2003). Kandungan ajaran agama Yahudi juga merangkumi syariah yang terperinci dan cukup jelas. Ia mencakupi bidang ibadat, muamalah serta peraturan hidup lain secara berasingan. Kemudiannya mereka menyelewengkan kandungan asal kitab mereka dengan mengenepikan sudut rohani dan mengutamakan secara jelas sudut kebendaan semata-mata. Mereka tidak mementingkan ajaran agama dan ibadat serta kehidupan selepas mati. Justeru, tiada pendedahan dan galakan tentang zikir, perkara berkaitan kiamat dan hari akhirat dan sebagainya. Sebaliknya hanyalah gesaan dan dorongan supaya merebut ganjaran berbentuk kebendaan dan balasan keduniaan semata-mata seperti mengumpulkan harta (Abdul Latif Muda, 2003). Antara sudut pembentukan akhlak kurang dititikberatkan khususnya pendedahan mengenai tegahan dan perintah syariah sedangkan ajaran Islam dan al-Quran menitikberatkan perkara tersebut seperti balasan seksaan. Agama Nasrani dibawa oleh Nabi Isa ketika orang-orang Yahudi berada dalam kesesatan dan kegelapan serta jauh menyimpang dari landasan yang benar. Oleh itu, Nabi Isa diutuskan bagi membela keadaan mereka serta mengajak kembali ke jalan benar.

Walaupun pada dasarnya setiap rasul pada setiap zaman membawa syariat yang berbeza, Namun, terdapat persamaan pada syariat semua rasul iaitu menyeru umatnya mentauhidkan Allah dan tidak menyembah selain Allah. Setiap rasul berpegang dengan syariat yang diutuskan oleh Allah kepadanya yang sesuai dengan masa dan masyarakatnya. Begitulah juga Nabi Muhammad S.A.W diutuskan oleh Allah bagi menegakkan *aqidah* nabi-nabi terdahulu dan melaksanakan syariat yang diutuskan kepada Baginda S.A.W untuk seluruh umat manusia sehingga berlakunya hari kiamat (Hassan Salleh, 1973). Berdasarkan keterangan ini jelas menunjukkan agama para rasul terdahulu adalah Islam kerana mereka menyeru manusia ke arah ketundukan dan kepatuhan kepada segala yang diperintahkan oleh Allah S.W.T,

Pengertian *Maqasid al-Shariah*

Maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah *maqasid* atau objektif yang diletakkan oleh *syara'* dalam mensyariatkan hukum. Antara istilah popular yang digunakan ialah *maqasid syariah*, *maqasid al-Syari'* dan *maqasid syara'* atau di dalam Bahasa Arabnya *maqasid al-syariah*, *maqasid al-Syari'* dan *al-maqasid al-syar'iyyah*. (Ahmad al -Raisuni, 1992). Terdapat pelbagai pendefinisan telah dilontarkan oleh ulama *usul fiqh* tentang istilah *maqasid*. Ulama klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik terhadap *maqasid* malah al-Syatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu *maqasid* pun tidak pernah memberikan definisi tertentu kepadanya (Hammad al-Obeidi, 1992). Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan *maqasid syara'* di dalam hukum-hukum *syara'*. Pelbagai tanggapan terhadap *maqasid* dapat dilihat di dalam karya-karya mereka. Kita akan dapat tanggapan ulama klasik yang pelbagai inilah yang menjadi unsur di dalam definisi-definisi yang dikemukakan oleh ulama mutakhir selepas mereka. Apa yang pasti ialah nilai-nilai *maqasid syara'* itu terkandung di dalam setiap ijtihad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana nilai-nilai *maqasid syara'* itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (al-Durani, 1997).

Terdapat ulama fiqh yang menganggap *maqasid* ialah *maslahah* itu sendiri, sama ada menarik *maslahah* atau menolak *mafsadah*. Ibn al-Qayyim menegaskan bahawa syariah itu berasaskan kepada hikmah-hikmah dan *maslahah-maslahah* untuk manusia sama ada di dunia atau di akhirat. Perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat adalah untuk menjamin syariah dapat mendatangkan kemaslahatan kepada manusia (Ibnu Qayyim,1996). Sementara Al-Izz bin Abdul Salam juga berpendapat sedemikian apabila beliau mengatakan “Syariat itu semuanya *maslahah*, sama ada menolak kejahatan atau menarik kebaikan...” (A.Hanafie, 1965).

Sebagaimana Firman Allah :

وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

Terjemahannya : Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Surah al- Anbiyya : 107)

Selanjutnya Firman Allah :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَبِّئًا عَلَيْهِ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَنَزَّلْنَاهُ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكُمْ
مِّنَ الْحُقْقِ لِكُلِّ جَعْلَنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَجْدَةً وَلَكِنَّا لَيْسَ لَنَا فِي مَا ءَانَّكُمْ فَاسْتَبِّعُوا أَخْيَرَتَ إِلَيْهِ
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَإِنَّنَا بِمَا كُنْתُمْ فِيهِ تَحْتَفُونَ ٤٨

Terjemahannya : Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

(Surah al-Maidah: 48)

Terdapat ulama fiqh juga yang menyifatkan *maqasid* sebagai mengelakkan kemudaratan. Al-Qadi I'yad telah berkata “ berhukum untuk mengelakkan kemudaratan adalah wajib”. Ada juga yang menyifatkan *maqasid* sebagai mengelakkan kesusahan atau *masyaqqa*. Ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn al-Arabi dengan kata-katanya ” Tidak harus membebankan seseorang dengan apa yang ia tidak mampu”(Al-Khadimi,1998). Ada juga yang memahami *maqasid* sebagai lima prinsip Islam yang asas iaitu menjaga agama, jiwa, akal , keturunan dan harta.Di satu sudut yang lain, ada juga ulama klasik yang menganggap *maqasid* itu sebagai logik pensyariatan sesuatu hukum (Al-Khadimi,1998) .

Manakala ulama-ulama *muta'akhirin* seperti al-Syatibi yang sinonim kepada ilmu *maqasid* tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik untuk istilah *maqasid*. Ini mungkin disebabkan beliau merasakan bahawa umum sudah memahaminya (Al Qarni, 1419H). Ibn Asyur mendefinisikan sebagai “segala pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya” (al-Misawi, 1998). Ini bermakna *maqasid* bukanlah pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum tertentu secara khusus. Sebagai contoh, melahirkan kebaikan , menolak kejahanan dan konsep kesamarataan antara manusia yang ada pada setiap pensyariatan hukum-hukum *syara'*. Ibn Asyur telah membahagikan *maqasid* dengan lebih terperinci lagi dengan mengkategorikannya kepada dua iaitu *maqasid umum* dan *maqasid khusus*. Menurut beliau, *maqasid umum* ialah *maqasid* yang dapat dilihat dalam hukum-hukum yang wajib dan melibatkan semua individu secara umum . Manakala *maqasid khusus* pula ialah cara yang digunakan oleh syariah bagi merealisasikan kepentingan umum melalui tindak- tanduk perseorangan. Sebagai contoh, hukum merekodkan perjanjian hutang dalam bidang muamalat (Ibnu Qayyim, 2000).

I'lal al-Fasi mendefinisikan *maqasid* sebagai “ matlamat syariah dan rahsia-rahsia pensyariatan setiap hukum (Islam)”. Beliau juga telah membahagikan *maqasid* kepada dua iaitu *maqasid umum* dan *maqasid khusus*. *Maqasid umum* ialah matlamat syariah secara umum, manakala *maqasid khusus* ialah rahsia di sebalik setiap hukum. Walaubagaimanapun definisi ini telah dikritik oleh Dr. Iwad bin Muhammad al-Qarni .Beliau mengkritik pendefinisian ini dengan mengatakan bahawa perkataan rahsia adalah kurang sesuai digunakan kerana rahsia bukanlah *maqasid* secara mutlak. Ada kalanya sesuatu rahsia itu menjadi *maqasid* dan pada ketika lain ia bukanlah *maqasid* kepada sesuatu (Al Qarni, 1419H).

Ahmad al-Raisuni mendefinisikan *maqasid* sebagai “matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia”.Beliau telah membahagikan maqasid dengan lebih teliti lagi berbanding dengan Ibn al-'Asyur iaitu dengan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu *maqasid umum* , *maqasid khusus* dan *maqasid serpihan (juziy)*. Menurut beliau *maqasid umum* ialah objektif yang diambilkira oleh *syara'* dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum sebagai contoh, konsep keadilan dan kesamarataan (*al-Musawah*) yang terdapat dalam semua hukum *syara'*. *Maqasid khusus* ialah yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan sesuatu atau beberapa kelompok hukum tertentu sebagai contoh, hukum kekeluargaan. Manakala *maqasid serpihan* ialah yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan sesuatu hukum tertentu sebagai contoh, hukum sunat berkahwin. Namun apa yang menjadi topik perbincangan ilmu *usul fiqh* dan ilmu *maqasid* khasnya ialah *maqasid umum*. Manakala maqasid khusus menjadi topik perbincangan para *fuqaha* (Al-Raisuni, 1992). Jika diteliti definisi-definisi yang dikemukakan oleh para ulama tersebut, definisi yang paling tepat, padat dan merangkumi seluruh konsep *maqasid* ialah definisi yang dikemukakan oleh al-Raisuni.

Kesimpulannya *maqasid al-shariah* ialah “matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia”.

Perlaksanaan *Maqasid al-Shariah* Zaman Nabi Muhammad S.A.W

Syariah Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. *Syariah Islam* itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmat. Maka setiap perkara yang terkeluar dari keadilan kepada kezaliman, dari rahmat kepada yang berlawanan dengannya, dari kebaikan kepada kerosakan, dari hikmat kepada sia-sia maka ianya bukan *syariah Islam* sekalipun diberikan takwilan untuknya.

Ertinya, apa yang penting dalam penegakan syariat adalah tujuan atau *maqsad* utama syariat itu iaitu kemaslahatan manusia. Bukan soal nama yang penting tetapi matlamat dari perlaksanaan sesuatu perkara yang dikaitkan dengan nama syariah itulah yang paling penting. Disebabkan itu memberikan nama yang ‘*islamik*’ sekalipun, tetapi tidak mencapai tujuan syariah iaitu keadilan untuk manusia, maka ia tidak boleh dianggap Islamik. Nama bukan penentu, isi dan pencapaian *maqsad* itulah yang paling penting. Sebab itu contohnya, jika menamakan negara dengan ‘*daulah islamiyyah*’ tetapi tidak mencapai *maqsad* keadilan, maka nama itu tidak bererti bahkan memberikan salah faham umum terhadap agama yang suci ini. Untuk mencapai keadilan dan tujuan perlaksanaan syariah memerlukan kepada kefahaman terhadap nas dan penelitian terhadap realiti semasa. Kefahaman yang literal terhadap hadis-hadis siyarah akan menjadikan perlaksanaan Islam dalam bidang tersebut gagal mencapai tujuan sebenar syariat (Hadhor,2001). Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

“Jangan dipotong tangan (pencuri) ketika dalam peperangan”. (Riwayat al-Tirmizi dan al-Darimi. Hadis dinilai sahih oleh al-Albani)

Al-Imam Tirmizi (297H) ketika meriwayat hadis ini menyebut:

“Sebahagian ilmuwan berpegang dengan nas ini, antara mereka al-Auza’i, mereka berpendapat tidak dilaksanakan hudud ketika peperangan, berhadapan dengan musuh kerana dibimbangi individu yang dihukum itu akan pergi menyertai musuh...”.

Dalam riwayat Abu Daud:

“Jangan dipotong tangan ketika pemusafiran” (Riwayat Abu Daud. Dinilai sahih oleh al-Albani.)

Dalam hadis di atas, Nabi Muhammad S.A.W mengambil kira persoalan realiti tempat, masa dan kesan terhadap sesuatu perlaksanaan hukum kerana kebimbangan musuh akan mengambil kesempatan atau orang Islam meninggalkan Islam antara faktor yang dilihat oleh sebahagian sarjana mengapa Nabi Muhammad S.A.W melarang hukuman tersebut dilaksanakan, maka pada zaman yang fitnah terhadap Islam di pelbagai penjuru dan kerapuhan iman umat Islam begitu nyata, penelitian tentang perlaksanaan syariat itu mestilah dilakukan dengan lebih berhati-hati. Perlaksanaan syariat mestilah membawa natijah yang positif, bukan sebaliknya kepada Islam. Maka perjuangan mengujudkan suasana yang kondusif itu mendahului usaha perlaksanaan syariat. Setelah wujudnya masyarakat adil antara pemerintah dan rakyat, suasana iman dan Islam, kehidupan yang aman dan bahagia, tiba-tiba ada unsur yang mencetuskan jenayah yang mencemarkan masyarakat , ketika itu apabila dilaksanakan hudud akan dapat memberikan kesan positif dan keindahan Islam sebagai agama rahmah.

Demikian juga dalam Hadis Anas bin Malik, dia berkata:

“Harga barang telah menjadi mahal di Madinah pada suatu ketika di zaman Rasulullah s.a.w. Maka orang ramai pun berkata: “Wahai Rasulullah! Harga barang telah mahal, tetapkan harga untuk kami”. Jawab Rasulullah s.a.w: “Sesungguhnya Allah, Dialah yang menetapkan harga, yang menyempit dan melimpahkan (kurniaan), yang maha memberi rezeki. Sesungguhnya aku berharap untuk menemui Allah dalam keadaan tiada seorang pun dalam kalangan kamu yang menuntut daripadaku haknya yang dizalimi samada pada darah atau harta”. (Riwayat Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah, al-Darimi dan lain-lain. Dinilai sahih oleh al-Albani)

Dalam hadis ini, Nabi s.a.w enggan menetapkan atau mengawal harga barang “*price control policy*”. Baginda bimbang itu akan menzalimi peniaga. Ini sangat relevan dengan keadaan para peniaga pada zaman baginda, keadaan barang yang diniagakan dan juga bentuk perdagangan yang ada ketika itu. Namun, apabila zaman berubah disebabkan sikap peniaga, keadaan pasaran “*market situation*” yang turut berubah. Jika “*price control policy*” tidak diwujudkan, para pembeli pula mungkin menjadi mangsa. Untuk itu kita dapat para sarjana *fiqh* sejak dahulu sebagiannya membolehkan penetapan harga oleh pihak berkuasa apabila melihat kepada perubahan keadaan dan situasi.

Kata al-Munawi (meninggal 1031H) :

“Rabiah (bin ‘Abd al-Rahman) telah mengharuskan penetapan harga. Ini sebenarnya Mazhab ‘Umar, kerana itu akan memelihara sistem harga. Kata Ibn al-‘Arabi al-Maliki: sebenarnya, harus menetapkan harga dan mengawal urusan dengan suatu undang-undang yang tidak menzalimi kedua belah pihak (peniaga dan pembeli). Apa yang disebut oleh al-Mustafa (Nabi S.A.W) adalah benar, apa yang dilakukannya adalah tepat, namun itu untuk yang betul niat dan agama mereka. Adapun kaum yang berhasrat memakan harta dan menyusahkan orang ramai, maka pintu Allah adalah luas dan hukum dilaksanakan.

Hal yang sama disebut oleh Ibn Taimiyyah dalam *Majmu’ al-Fatawa*.

Kefahaman yang sebegini bukan bermaksud menolak hadis sebaliknya berusaha untuk melihat nas dari segi teks dan konteks. Maka, pemimpin umat Islam yang memimpin umat dalam era ini, tidak boleh terlalu literal dalam memahami nas, tetapi hendaklah melihat kepada konsep *maqasid al-syariah* “*The higher objectives of Islamic Law*” bagi setiap nas-nas yang berkaitan kehidupan seharian manusia.

Pendekatan *Maqasid Al-Shariah* Zaman Sahabat

Para sahabat merupakan golongan yang paling memahami tentang *maqasid syariah*, matlamat agama, objektif al-Quran dan al-Sunnah, kerana mereka mendengar al-Quran secara langsung daripada Rasulullah dan mengamalkan ajaran Islam berdasarkan petunjuk Rasulullah S.A.W. Apabila mereka menghadapi sesuatu persoalan setelah kematian Rasulullah s.a.w, mereka akan mencari hukumnya di dalam al-Quran. Apabila didapati, mereka terus melaksanakannya. Jika tiada mereka akan mencari dalam sunnah Rasulullah S.A.W, mereka akan bertanya mengenai siapakah yang menghafaz sebarang hadith atau hukum daripada Rasulullah S.A.W berkaitan persoalan ini. Jika didapati, mereka akan berpegang kepada hukum tersebut. Jika tiada, mereka akan berijtihad berpandukan kepada al-Quran serta al-Sunnah dan pemahaman mereka terhadap kaedah-kaedah umum, rahsia dan matlamat syariat (Uthaimin,2001). Sebagai contoh, golongan sahabat telah bersepakat untuk membuat salinan rasmi al-Quran bagi memelihara kesucian agama, mereka juga bersepakat untuk menghukum *qisas* sekumpulan pembunuhan yang membunuhan seseorang yang tidak berdosa. Umar al-Faruq r.a. telah menghukum Nasr bin Hajjaj dengan membuang daerah kerana ketampanan beliau ke Iraq sehingga mempesonakan wanita-wanita di Madinah bagi menjaga keturunan dan maruah. Selain itu, Umar r.a. telah menyekat pemberian zakat terhadap golongan muallaf. Umar berkata:

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah telah memuliakan umat Islam, dan pada hari ini, tiada lagi golongan mualaf”

Sa`id bin Musaiyyib mengharuskan kawalan harga dilakukan jika ia mendatangkan kebaikan kepada masyarakat Islam. Walaupun terdapat riwayat yang menyatakan terdapat sahabat r.a. mengadu kepada Rasulullah s.a.w: “Wahai Rasulullah, harga barang telah naik, maka tetapkanlah harga bagi kami.” Sabda Rasulullah s.a.w: “Allahlah yang menetapkan rezeki, yang menyekat dan meluaskan rezeki”. Daripada contoh-contoh yang telah diberikan, menunjukkan bahawa *maqasid syariah* adalah suatu perkara yang sangat penting yang perlu diberi perhatian. Golongan *Salafu al-soleh* memberikan contoh yang terbaik dalam aspek memahami *maqasid syariah* dan pelaksanaannya. Khalifah Abu Bakar membakar orang yang melakukan liwat. Sayidina Ali menghukumnya dengan mencampakkan dari tempat yang tinggi. Khalifah Umar tidak memotong tangan orang yang mencuri pada tahun ditimpa kemarau teruk “*Am al-maja’ah*” dan beliau juga tidak memberi wang zakat kepada *mualaf* apabila umat Islam telah kuat. Sayidina Uthman mengarah supaya menulis dan mengumpul al-Quran dalam satu *mushaf*.

Contoh-contoh yang didapati di atas menggambarkan dengan jelas bahawa setiap hukum yang Allah tentukan ke atas manusia mempunyai matlamatnya masing-masing mengikut keperluan manusia itu sendiri mengikut ketetapan Allah S.W.T. Keselamatan dan kebahagiaan hidup mereka sama ada dalam hubungannya dengan Allah S.W.T untuk keselamatan peribadi dan hubungannya sesama manusia untuk keselamatan dan kebahagiaan keluarga dan masyarakat seluruhnya adalah menjadi matalamat pensyariatannya.

Pendekatan Kaedah *Maqasid Al-Shariah Ulama Awalin Dan Muta’akhirin*

Seterusnya corak berijihad seumpama ini diwarisi sehingga ke zaman *imam mujtahid* dan hari ini. Hakikat ini telah diperakui oleh *jumhur ulama usul* dan *furu’* lebih-lebih lagi apabila *ulama usul* telah mensyaratkan untuk seorang *mujtahid* melakukan ijihad mestilah memahami *maqasid al-shariah*. Sehubungan dengan itu, pentafsiran nas secara literal semata-mata tanpa melihat kepada *maqasid syara’* di sebaliknya adalah bertentangan dengan tabiat *tasyri’* itu sendiri. Al-Qarafi bukan sahaja mensyaratkan *mujtahid* memahami *maqasid al-shariah*, malah *faqih muqallid* juga mesti memahami *maqasid al-shariah*. Imam al-Syafi’e mengambil langkah merujuk kepada *maqasid syara’* sebagai satu kaedah dalam berijihad apabila tiada nas dari al-Quran atau al-Sunnah atau *hadith ahad* (Hassan Ahmad,2002). Seterusnya, sekiranya beliau tidak mendapati apa-apa maslahah umum atau kepentingan umum beliau akan berpindah kepada sumber *ijma’*. Imam al-Ghazali juga mengambil kira aspek *maslahah* sekiranya ada tanda-tanda ianya adalah *maqasid syara’*. Para ulama usul umumnya menyentuh kedudukan *maqasid syara’* dalam membuat apa-apa penilaian apabila mereka membincangkan masalah *tarjih*. Menurut mereka dalam proses *mentarjih* antara pendapat ulama ada beberapa neraca antaranya lebih memudahkan manusia dan lebih hampir dengan *maqasid syara’*. Imam al-Syatibi dilihat lebih tegas dalam hal ini apabila beliau menyifatkan *mujtahid* yang cuai dalam aspek *maqasid syara’* sebagai ulama yang menyeleweng dari agama. Menurut beliau, memahami *maqasid syara’* adalah prasyarat utama dalam berijihad (Hammad al-Obeidi,1992). Menurut Ilal al-Fasi, peranan *maqasid syara’* bukan sahaja pada kes-kes yang tidak dinaskan malah melangkaui hukum -hukum yang dinaskan sebagaimana yang berlaku

dalam kes penundaan hukum hudud oleh Syaidina Umar bagi kes mencuri pada zaman kemelesetan ekonomi.

Ibn A'syur pula menyatakan kepentingan memahami *maqasid syara'* dalam mengeluarkan hukum. Menurut beliau, proses untuk melakukan *ijtihad* terbahagi kepada lima perkara iaitu: Pertama; memahami *nas* berdasarkan pengertian bahasa dan istilah *syara'*. Kedua; meneliti kemungkinan *nas* berkenaan *dinasakh* atau *ditaqyid* atau *ditakhsis* atau ada *nas* lain yang lebih utama daripadanya. Ketiga ; mengenali '*illat hukum*' dan melakukan *qiyyas* berasaskannya. Keempat; menentukan hukum bagi kes yang tidak *dinaskan* dengan menggunakan kaedah *qiyyas*. Kelima; menentukan hukum *ta'abbudi* seada-adanya.

Menurut beliau, seorang *mujtahid* perlu memahami *maqasid syara'* dalam semua peringkat di atas. Menurut Yusuf Hamid al-Alim, "memahami *maqasid syara'* bukan sahaja penting bagi *mujtahid* malah meliputi semua *mukallaf* agar kehendak mereka dalam tindak tanduk mereka selari dengan kehendak *syara'*.

Selepas memahami makna sebenar *maqasid*, hakikatnya dan juga kedudukannya dalam *syariat*, tindakan selanjutnya pula ialah melihat kepada pengaplikasiannya terhadap hukum – hukum *ijtihad*. Ini kerana memahami *maqasid* adalah di antara syarat terpenting bagi seorang *mujtahid* untuk *berijtihad* dan bagi seorang mufti untuk berfatwa menurut al-Syatibi dan diiktiraf oleh *jumhur ulama* terkemudian. Ini kerana sebarang *ijtihad* dan fatwa yang sepi daripada *maqasid* akan menyebabkan penyimpangan *ijtihad* ataupun fatwa tersebut daripada landasan *syariat*, kerana *maqasid* seperti yang telah kita katakan ialah himpunan pemahaman terhadap sejumlah besar daripada *dalil -dalil syara'*.

Pengaplikasian *maqasid* dalam *ijtihad* juga amat penting kerana ianya akan menuju *ruh syara'* yang bertepatan dengan tabiat dalil- dalil dan *syariat* itu sendiri yang sentiasa mengambilkira persoalan menjaga *kemaslahatan ummah* dan mengelakkan mereka daripada *mudharat*. Prinsip ini juga merupakan asas atau tunjang kepada *tasyri'* itu sendiri .

Peringkat pengaplikasian *maqasid* pula boleh kita bahagikan kepada empat peringkat: Pertama; memahami *maqasid juz'i* ataupun *illat hukum* dan menetapkannya. Kedua; melihat kepada pengaplikasian *maqasid juz'i* atau hukum lain yang boleh diaplikasikan ke atasnya *maqasid* tersebut. Ketiga; memahami *maqasid kulliy* dan menetapkannya dalam semua keadaan hukum melalui kaedah deduktif. Keempat; melihat kepada kes-kes baru yang memerlukan hukum dan mempertimbangkannya menurut neraca *maqasid kulliy* melalui kaedah *masalah mursalah* dan *istihsan*, sehingalah *mujtahid* sampai kepada hukum yang benar benar menepati *maqasid* tersebut. Dalam kes ini, Ibn Asyur telah mengkhususkan satu tajuk dalam bukunya yang beliau namakan sebagai : "hukum hakam *syara'* yang boleh menerima kaedah *qiyyas* berdasarkan *illat* dan *maqasid* yang rapat dan paling hampir dengannya".

Pendekatan Penggunaan *Maqasid Al-Shariah* Di Malaysia

Sejak zaman kesultanan Melaka apabila Sultan Muhammad Shah dapat menguasai Melaka pada abad kelima belas, dan beliau telah memeluk Islam dan mengambil adat dan syariah sebagai asas kanun di negeri Melaka yang digubal pada tahun 1443 dan kemudian diikuti dengan penggubalan Kanun Laut Melaka. Peranan ulama pada masa pemerintahan Sultan Muhammad ialah mengeluarkan *ijtihad* mereka untuk kondufikasi undang-undang, sebagaimana yang diamalkan di Turki ketika itu dengan dibuat beberapa perubahan di mana perlu untuk menyesuaikan dengan keperluan setempat dari sudut kandungannya. Sepanjang

masa pemerintahan keturunan Raja Melaka yang berkembang kemudiannya ke negeri-negeri lain seperti Johor, Pahang, Kedah dan Perak, maka peranan ulama dalam membersihkan pentadbiran dan undang-undang adat yang berlawanan dengan Islam terus berlaku dan didapati pada abad keenam belas pada masa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1612M) telah digubal kanun baru yang kedudukan Islamnya lebih jelas dari Qanun Melaka dari sudut pentadbiran dan perundangannya, dan dimasukkan didalamnya konsep khilafah untuk pemimpin tertinggi dan kedudukannya sebagai Khalifah Rasulullah s.a.w.

Pada masa Sultan Abdul Ghaffar diletakkan kedudukan setaraf Menteri yang boleh berperanan dalam memberi idea bagi mengukuhkan undang-undang ketika itu. Pendekatan yang digunakan oleh *faqih* ketika itu dalam menggubal Qanun mengambil kaedah *tadarruj*. Pada peringkat awal di zaman Melaka .Undang-undang Islam dalam jenayah zina umpamanya diletak seiring dengan undang-undang adat tetapi di zaman kerajaan Pahang di peringkat kedua penggubalan undang-undang Pahang adat dalam jenayah zina, tuduhan zina tidak ada lagi, hanya undang-undang Islam sahaja. Demikian juga *ijtihad* ulama dalam proses Islamisasi budaya dalam berpakaian, berbahasa, beradab, berakhhlak, kemasyarakatan dan kerohanian, perubatan, pertukangan dan sebagainya. *Ijtihad* merupakan suatu mekanisme yang membuatkan syariah itu sentiasa hidup dan berperanan dalam masyarakat secara berterusan sehingga masa kini di mana para ulama terutama dalam *muamalat perbankan*. Mereka mengambil hukum berdasarkan kaedah-kaedah yang digariskan oleh *fuqaha* terutamanya kaedah Mazhab Shafi'e. Melalui kaedah ini , mereka berupaya menyatukan umat untuk hidup dalam kefahaman agama berdasarkan *ahli Sunnah wa al-Jamaah* dalam akidah, syariah dan akhlak atau tasawuf yang membawa kepada penyeragaman beribadat dan amalan kerohanian, perundangan dan pentadbiran agama negeri-negeri sebelum dari kedatangan penjajahan barat pada abad kelapan belas. Penerimaan ini kemudiannya perlu dipelajari dan diperkembangkan dalam bentuk paradigma keilmuan moden yang sesuai dengan realiti Malaysia semasa (Dr Danial, 2003). Seperti mana direkodkan dalam catatan sejarah, walaupun kedatangan mazhab Shafi'e di Alam Melayu lewat berbanding dengan Mazhab Syiah, namun kemudiannya mazhab ini telah mampu mengatasi mazhab Syiah dan meninggalkan pelbagai elemen positif jangka panjang kepada masyarakat Malaysia terutamanya dalam perundangan Islam berasaskan budaya Melayu. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor utama iaitu sifat mazhab Shafi'e yang berupa paradigma sintesis di antara pandangan *ahl-ray'* dan *ahli hadis*. Ia lebih beradaptasi dengan budaya tempatan Melayu. Mualigh Shafi'e yang awal telah mengamalkan sikap mesra budaya yang mendapat sokongan penguasa politik yang kemudiannya mampu menyebarkan ajaran Islam secara cukup berkesan di Alam Melayu ini boleh dilihat daripada kesannya di dalam "Legal Digest" Melayu seperti *Hukum Kanun Melayu* dan penyerapan nilai-nilai Islam di dalam sistem adat Melayu sehingga melahirkan ungkapan "adat bersendikan hukum, hukum bersendikan *kitabullah* (Mahmod Zuhdi, 2010). Selain itu, gabungan antara paradigma ahli sufi dan *fiqh* (*neo-sufism*) di dalam mazhab Shafi'e memberi kesan langsung kepada kepesatan proses pengislaman masyarakat di Alam Melayu. Mazhab selain Shafi'e mengamalkan sikap negatif terhadap paradigma ahli *sufi* sedangkan pendekatan ini tidak terdapat dalam sejarah Alam Melayu yang mengharmonikan antara adat dan agama (Salleh,1989). Sebagai contoh, ilmuan *fiqh* mazhab Shafi'e telah mengasaskan sistem pendidikan Islam yang sistematik di rantau Alam Melayu. Hal ini merujuk kepada pengenalan sistem pondok yang mengandungi prasarana fizikal yang khusus, falsafah pengajian, struktur organisasi, susunan jadual waktu, kurikulum dan kaedah penilaian yang cukup sistematik (Abdul Latif, 1993).

Jelasnya, pengamalan maqasid syariah dapat dikesan dalam pegangan umat Islam Malaysia terhadap Mazhab Shafi'e bukanlah sesuatu amalan dan paradigma yang salah dalam pengamalan ajaran Islam tetapi ia merupakan formula bersifat "flexible" yang memberikan garis panduan terhadap setiap persoalan yang muncul dalam kehidupan manusia. Dalam konteks realiti Malaysia, amalan *taqlid* kepada Mazhab Shafi'e dianggap masih relevan lagi. Ia dibuat kerana beberapa faktor utama iaitu menetapkan kalangan ulama sebagai pentafsir utama kepada ajaran agama. Hal ini boleh dirujuk kepada keabsahan konsep *taqlid* dan *ijtihad*. Dalam konsep *taqlid*, ia mengharuskan masyarakat awam untuk *bertaqlid* kepada seseorang *mujtahid* berasaskan kepada nisbah ketidakmampuan seseorang untuk memahami ajaran agama Islam secara mendalam. Sehubungan dengan itu, pendekatan ini ditetapkan bukan bertujuan untuk memonopolikan usaha pentafsiran agama kepada golongan ulama semata-mata tetapi ia dibuat bagi mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya masyarakat awam yang jahil tentang prinsip asas Islam melakukan tafsiran melulu yang boleh merosakkan nama baik Islam itu sendiri dengan penerimaan kepada konsep *ijtihad* dan *tajdid* kerana perpaduan dan keseragaman dalam beragama diperlukan bagi memastikan wujudnya kestabilan hidup sosio politik umat Islam. Seterusnya ia bakal memudahkan proses penguasaan dan pentadbiran undang-undang Islam. Hal ini boleh dikatakan sebagai asas perpaduan masyarakat Melayu yang sehingga kini, tidak wujud perbalahan dan fanatik dalam mazhab yang akan menimbulkan pertumpahan darah seperti mana berlaku di tempat-tempat lain. Cuma, penekanan yang agak keterlaluan terhadap dominasi *taqlid* yang ketat dilihat menyebabkan perkembangan pemikiran hukum Islam itu sendiri tidak dapat berkembang (Yusuf Qardhawi, 2002). Hal ini turut disedari oleh mufti-mufti di Malaysia yang menggunakan pelbagai usaha untuk menerapkan pendekatan reformasi bagi menghadkan penggunaan taklid secara berlebihan, khususnya di dalam metodologi pengeluaran sesuatu fatwa. Sikap pro mazhab tidak bermakna perlu terjebak dengan fenomena fanatik mazhab yang boleh menyumbang kepada penutupan minda tetapi perlu berpegang kepada kerangka metodologi (*manhaj*) sesuatu mazhab yang dilihat terbukti mampu menyelesaikan masalah hukum Islam. Walaupun institusi *taqlid* tidak boleh dipandang negatif secara keseluruhannya, pelbagai perubahan yang diperlukan masih dibolehkan bagi menunjukkan sifat dinamisme syariah itu sendiri berhadapan untuk dengan keperluan masyarakat kini. Penerimaan konsep mazhab ini tidak membataskan amalan *ijtihad* itu dipraktikkan demi penyelesaian masalah umat Islam. Dewasa ini, teori yang mengatakan bahawa perundangan Islam telah tertutup dan beku selepas tertutupnya pintu *ijtihad* pada abad keempat hijrah telah mula dicabar. Sebaliknya seperti mana ditegaskan oleh Hallaq, proses timbal balik antara sistem *fiqh* Islam dengan realiti sesuatu masyarakat masih lagi berlangsung pada zaman *taqlid*, kerana seseorang sarjana Islam yang melakukan aktiviti penulisan dan *mukhtasar* terhadap karya imam *mujtahid* turut memasukkan pandangan mereka sendiri terhadap realiti yang berlaku di zaman mereka (Hallaq, 1996).

Kesimpulan

Maqasid al-shariah adalah merupakan suatu yang amat penting dalam pensyariatan hukum dalam Islam kerana ia bermatlamat untuk kebaikan kehidupan manusia dari sudut kerohanian dan material dan untuk keselamatan dunia dan akhirat. Pensyariatan hukum yang bermatlamat demikian dapat difahami secara langsung dari *nas-nas* yang *qat'i* atau dapat difahami secara *mafhum* dari *nas-nas* yang *zanni*, atau berdasarkan *ijtihad*. Aplikasi *maqasid al-shariah* adalah lebih luas dan lebih longgar dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negara kerana ia melibatkan keperluan manusia yang luas dan berbagai bidang dalam masa yang berlainan dan tempat yang berbeza. Justeru kaedah-kaedah *ijtihad* perlu digunakan untuk memenuhi keperluan hidup manusia yang sentiasa berubah mengikut tempat dan masa.

Melalui kefahaman *maqasid al-shariah* ini menjadikan syariah itu sentiasa berkembang dan manusia akan sentiasa hidup dalam kerangka hukum dan syariah berterusan. Tidak ada keperluan hidup manusia yang tidak dapat diselesaikan melalui hukum *syara'* kerana penyariatannya untuk memberi kebahagiaan hidup kepada manusia dunia dan akhirat. *Maqasid al-syariah* membentuk dan mengawal perjalanan hidup masyarakat manusia dalam semua bidang untuk menentukan tercapainya sifat insaniahnya yang sempurna, sebagaimana yang ditentukan oleh Allah s.w.t tentang ciri-ciri “insan” yang sebenarnya iaitu insan yang beriman, berilmu dan bertakwa serta mencapai “*falah*” dalam hidupnya kerana kepatuhannya kepada hukum Allah dalam hidup peribadi, keluarga, pemerintahan dan masyarakat.

Rujukan

- A. Hanafie (1965). *Usul Fiqh*. Jakarta: Widjaya
- Abd Latif Muda & Ustazah Rosmawati Ali (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kelantan: Ilham Abati Enterprise
- Abdul Karim Zaidan. (1993). *Al- Wajiz fi Usul Fiqh*. Kaherah: Darul Tauzi'
- Abdul Latif Hamindong. (1993). *Institusi pondok dalam tradisi budaya ilmu, Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Muda. 2003. *Pengantar Syariah dan Teori Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Salam
- Ahmad al-Raisuni (1992), *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi*, Beirut: al-Maahad al- Alami li al-Fikr al-Islami,
- Hallaq, W. 1996. *Ifta' and Ijtihad in Sunni Legal Theory: A developmental account. In Islamic legal interpretation: Muftis and their fatwas*, eds. Muhammad Khalid Masud, B. Messick and D. Powers, Cambridge: Harvard University Press.
- Hamad al-Obeidi (1992), *al-Syatibi wa Maqasid al-Syariah*, Tripoli: Mansyurat Kuliat Al dakwah Wal Islamiyyah
- Hassan bin Haji Ahmad (2002). *Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Hassan bin Haji Salleh. (1973). *Sejarah Perundangan Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press
- I'wad bin Muhammad al-Qarni(1419H), *al-Mukhtasar al-Wajiz fi Maqasid al-Tasyri'*, Jeddah: Dar al-andalus al-Khadra'
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1996), *I'lam al-Muwaqqi'in*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1996M,
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2000). *Taqlid Buta*. Jakarta Timur: Darul Falah.
- Muhammad Hadhori (2001). *Usul Fiqh*. Kaherah: Darul Hadis.
- Mohammad al-Tahir al-Misawi (1998), *Ibn Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi
- Muhammad Fathi al-Duraini (1997), *al-Manahij al-usuliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Muhammad Salih al- 'Uthaimin (2001). *Pengenalan Ringkas Ilmu Ushul al- Fiqh*. Johor: Perniagaan Jahabersa
- Nuruddin Mukhtar, al Khadimi (1998), *Al ijtihad al Maqasidi*, Qatar.
- Prof Dato' Paduka Dr Mahmud Zuhdi (2010). *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Qaradhawi, Dr Yusof (2002). *Ijtihad Dalam Syariat Islam*. Selangor: Cresent News (KL) Sdn Bhd.
- Qardhawi, Yusof (2002) *Fiqh Daulah Menurut Persepktif Islam*.Selangor: Maktabah Al Qardawi.
- S. Hossein Nasr (1990). *Traditional Islam in the modern world*. London: Kegan Paul International

Salleh, Dr Kassim (April 1989). *Ijtihad Sejarah dan Perkembangannya*. Selangor: Al Rahmaniah.

Zainal Abidin, Dr Danial (2003). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden* Pahang: PTS Publications &Distributors Sdn Bhd